

BAB XIII

BAB YO FASAL NIKAH SATU SUKU

A. PENDAHULUAN

Bab Yo Fasal ini termasuk di bawah Bab Yo Fasal Pantang Larang Adat Nan Diadatkan. Manakala tumbuhnya perkara begitu yang tidak dapat dielakkan maka terpaksa mereka berdua dinikahkahwinkan juga mengikut sepanjang kehendak syarak. Bermakna dalam istiadat itu tidak dapat pihak Lombago Adat bagi sukunya menjalankan sepanjang yang dikehendaki oleh Adat Nan Diadatkan di bawah Bab Yo Fasal Nikah Kahwin dan Somondo-monyomondo. Antara mereka itu dalam menjalankan nikah kahwin tidak ada somondo-monyomondo melainkan mengikut sepanjang hukum syarak sahaja. Maka semua anak buah sukunya tidak dapat bersama, apatah lagi Lombago Adat bagi sukunya itu tetaplah tidak boleh bersama.

Fasal di atas mustahak dijalankan disebabkan:

- (i) Adat Nan Bosondi Syarak dan Syarak Nan Bosondi Kitab Allah. Perkara ini satu pantang larang Adat Nan Diadatkan maka tidak dapat tidak pihak Adat tidak mencampurinya.
- (ii) Nikah kahwin satu suku berlaku dengan sebab antara lelaki dengan perempuan itu telah melakukan kesalahan "bersalah-salahan". Maksudnya antara mereka berdua itu telah melakukan satu kesalahan yang menyalahi Adat Nan Diadatkan

yang mana perkara itu haram dilakukan bagi syarak. Antara mereka berdua pula duduknya di dalam Adat "satu suku - lain waris" (lihat pengertian). Bab kesalahan ini sekali-kali tidak tumbuhnya melalui pinangan, jodoh atau "risek nan bodusus, gamit nan bokocapi". Atas sebab Adat nan bosondi syarak – syarak nan bosondi kitab Allah dan Adat tidak mengatasi syarak, maka mereka terpaksa dinikahkan sepanjang hukum syarak sebab kedudukan antara mereka berdua itu bagi Adatnya ialah "tergalang dek Adat, tak to hambat dek syarak". Untuk membersihkan daripada perbuatan maksiat diadatkanlah baginya diijab kabul sepanjang kehendak syarak, maka hak Adat diangkatlah sebab Adat itu menggalang sahaja, manakala syarak tidak menghambat.

- (iii) Ceraian (ii) di atas ini menunjukkan "Adat tosirat, bukan tosurat" maksudnya antara lain Adat itu bukannya diatur susun dengan akal sahaja melainkan dengan mengikut siratan daripada kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya sebagaimana disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud *"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara iaitu kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w., selagi kamu berpegang dengannya maka kamu tidak akan sesat selamanya"*. Dengan kehendak inilah Adat itu diadatkan baginya satu Adat (undang-undang) yang "Adat bosondi syarak, syarak nan bosondi kitab Allah" dan diadatkan pula dengan kata Adat yang berbunyi, "sosek di hujung jalan, balik ko pangkal jalan" maksudnya jalan Allah. "Sosek di hujung kato, balik ko pangkal kato" maksudnya balik kepada hadis Rasulullah s.a.w. Itulah sebabnya diadatkan kepada Adat Perpatih Nanning sepanjang kata Adat yang berbunyi "biar mati anak, jangan mati Adat", pengertiannya siapa juga yang didapati bersalah maka hendaklah dihukum sepanjang Adat Nan Diadatkan baginya, walaupun anak Dato' Lombago sendiri, saudara kita sendiri, tidak ada jalan boleh dilepaskan sekalipun kita memegang kuasa Adat. Maka diharapkan keseluruhan kita yang menganuti Adat Perpatih Nanning dalam berumah tangga janganlah hendaknya mengambil sebab perempuan itu halal oleh syarak untuk mengahwininya. Maka tidaklah

lagi memandang ke belakang yang kedudukan kita itu “digalang dek Adat”, ada kalanya kedengaran suara sumbang dengan mengatakan “syarak menghalalkan, sedangkan Adat mengharamkan”. Ini semua dengan dorongan hawa nafsu sahaja, walhal “kumbang bukan seekor, kok bunga bukannya sekuntum” dan tidak memandang perbuatan itu satu larangan Allah s.w.t. yang bermaksud:

Bertolong-tolonganlah kamu berbuat kebaikan dan takwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan berbuat dosa dan aniaya dan takutlah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras seksa-Nya.
(Surah Al-Ma'idah 5:2).

Sekiranya kita melakukan perbuatan yang kita sendiri tahu perbuatan itu perbuatan yang memecah-belahkan antara kita sama satu suku dan berpecah-belah di dalam kampung halaman kita sendiri dan seterusnya keseluruhan anak buah Wilayah Adat Perpatih Naning, maka dengan itu bermaknalah kita telah melanggar perintah Allah s.w.t. itu. Sekianlah pendahuluan bagi Bab Yo Fasal nikah kahwin satu suku ini semoga jangan kita kena kepada kata Adat “kurang poriksa – badan lolah, kurang siasat nogori alah, sio-sio buang-buang”.

- | | |
|---|----------------------|
| (206) Bahawa dalam Bab Yo Fasal ini bersabitan dengan seorang anak buah lelaki menikah dengan perempuan yang sama suku dengannya dan diadatkan menikah begini dikenali “nikah kahwin satu suku”. | Pengertian |
| (207) Bahawa kemudian daripada itu maka kedudukan antara mereka berdua itu jatuh di bawah Bab Yo Fasal “Satu Suku, Lain Waris” bermakna antara mereka berdua itu, dalam soal nikah kahwin ialah “digalang dek Adat, tak dihambat dek syarak”. | Satu suku lain waris |
| (208) Bahawa kemudian daripada itu maka sesiapa juga antara anak buah Wilayah Adat Perpatih Naning ini yang melakukan kesalahan nan diadatkan “Pantang Larang Adat”. Maka mereka berdua itu bermakna menarik diri keluar daripa- | Sendiri menarik diri |

da Adat Perpatih Naning, sebaik-baik sahaja selesai diijabkabulkan.

Adat tidak memaksa

- (209) Bahawa kemudian daripada itu maka Adat Perpatih Naning tidaklah berdasarkan baginya satu-satu Bab Yo Fasal Nan Tumbuh itu dengan paksa. Seseorang itu setelah sah seorang anak buah Wilayah Adat Perpatih Naning dan anak buah kepada sukunya yang duduk di bawah perjalanan Adat Perpatih Naning maka menjadi kewajiban bagi mereka mematuhi Adat Nan Diadatkan. Maka oleh yang demikian sesiapa juga yang melakukan kesalahan di bawah Bab ini bermakna mereka melakukannya dengan niat dan suka hati sendiri, maka oleh itu pihak suku terpaksa mematuhi sepanjang Adat Nan Diadatkan mereka berdua terkeluar daripada anak buah sukunya pada hari mereka dinikah kahwin. Untuk renungan Dato'-Dato' di sinilah satu-satunya menunjukkan Adat Nan Bosondi Syarak, Syarak Nan Bosondi Kitab Allah iaitu syarak tidak memaksa sesiapa juga yang telah memeluk agama Islam yang maha suci itu; maka menjadi tanggungjawab baginya mematuhi segala hukum Islam.

Nikah sepanjang hukum syarak

- (210) Lazimnya perkara ini tumbuh disebabkan kemahuan mereka berdua. Kebanyakannya disebabkan mereka telah keterlalu. Adat tidak boleh mengatasi syarak, maka mereka berdua terpaksa menikah menurut sepanjang yang dikehendaki oleh hukum syarak demi menghalalkan hubungan antara kedua-duanya. Maka tentulah perkahwinannya itu tidaklah ada Lombago Nan Bosokat bagi sukunya campur tangan, begitu juga pihak sekadimnya.

Sumpah posako

- (211) Kesalahan begini diadatkan terkena baginya disumpah oleh posako yang berbunyi:

Kok ko darek siar bakar, Kok ko laut tumpah karam – Kok boranak tak cukup sifat – Ditimpo dek biso bosi kawi.

Pada masa-masa yang telah lalu pernahlah da-

pat dilihat mereka itu menerima salah satu sumpah posako itu. Maka ada atau tidaknya atau cepat atau lambat mereka menerima semata-mata terpulang kepada kehendak Allah s.w.t. juga.

- (212) Bahawa pada masa dahulu sebarang anak buah yang melakukan nikah sama suku dihalau oleh seluruh sukunya. Tidak dibenarkan mereka duduk di dalam kawasan sukunya sehinggakan tempat duduknya atas rumah pun dibasuh menunjukkan begitu marahnya anak-anak buah suku itu pada pasangan tersebut. Selepas Al-marhum Dato' Mohd. Salleh, perkara menghalau itu telah tidak dilakukan lagi melainkan diadatkan baginya:

Diadatkan terhalau

- (i) Yang lelaki tidak boleh menjunjung posako sukunya dan jika masa dia melakukan kesalahan itu dia ada menjunjung posako sukunya maka posako itu luruh dengan sendirinya.
- (ii) Yang perempuan pula diadatkan segala harta posako suku yang ada padanya luruh iaitu dia tidak berhak lagi memiliki sebarang harta posako sukunya.
- (iii) Sekiranya ada sayang santun daripada pihak sekadimnya antara mereka berdua serta dipersetujui oleh Lombago Nan Bosokat bagi sukunya dan anak-anak buah dan mereka berdua suka berbalik ke pangkal jalan, maka bolehlah berbuat begitu sepanjang nan diadatkan dengan menyembelih seekor kerbau dan beras nan lima puluh mengadakan satu istiadat berkenduri antara Lombago Adat seluruhnya dengan semua anak buah suku, dan orang somondo suku dan istiadat itu dijalankan oleh Lombago Nan Bosokat. Maka dalam istiadat itu mereka berdua diadatkan mengikat janji tidak melakukan lagi begitu pada masa akan datang. Maka apabila selesai istiadat itu kedua-dua mereka dibela dan dipelihara sama seperti sedia kala. Bab Yo Fasal ini berjalan kuat kuasa sehingga sekarang.

Catatan

Bahawa pada zaman purbakala sebelum Nanning jatuh ke tangan Syarikat Hindia Timur 1831 – Jun 1832 (Perang Nanning) maka kesalahan begini jika didapati mereka telah keterlaluan iaitu telah sah mereka berzina menurut hukum syarak, maka mereka berdua akan menerima hukuman mati dengan disalang keduanya di atas Bukit Penyalang (orang British menggelar bukit itu *Eusicution Hill*). Begitu juga sebarang kesalahan yang sabit dihukum bunuh dijalankan di atas Bukit Penyalang ini juga. Selepas daripada Nanning termasuk di bawah penjajahan Syarikat Hindia Timur dan dikenali “Jajahan Takluk British” (*Crown Colony*) maka semua kuasa ini tidak dapat dijalankan lagi termasuklah juga sebarang kesalahan jenayah.

Perhatian

Mari kita perhati apakah sebab-sebabnya maka dipantanglarangkan oleh Adat Perpatih Nanning, anak-anak buahnya menikah kahwin sama suku? Jawapannya ialah:

- (i) Terlebih dahulu hendaklah difahami kedudukan antara seorang dengan seorang yang lain sama ada antara lelaki dengan lelaki atau antara perempuan dengan perempuan atau antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang duduknya di dalam satu suku (lihat Pengertian). Maka Lombago Nan Bosokat bagi sukunya diadatkan Lombago Nan Bosokat itu juga. Maka salah satu tanggungjawab Lombago Nan Bosokat bagi tiap-tiap suku ialah:

Dalam istiadat nikah kahwin dan somondo-monyomondo, maka Lombago bagi suku lelaki diadatkan membayar hutang Adat anak buahnya kepada Lombago suku perempuan. Ini berjalan di bawah kehendak Adat yang berbunyi “kok sah hutang yo bobayar – yo kok sah piutang yo botorimo”,

bermakna yang membayar hutang satu pihak dan yang menerimanya mestilah pihak lain pula. Bernikah sama suku: maka Lombago Nan Bosokat bagi lelaki dan juga bagi perempuan adalah Lombago Nan Bosokat itu juga. Oleh itu tidak ada jalan bagi seorang itu yang berhutang dan juga yang menerima piutang itu. Kedudukan antara lelaki dengan perempuan diadatkan "satu suku, lain waris" bermakna "tak tohambat dek syarak cumo togalang dek Adat". Maka boleh nikah kahwin dan tidak ada somondo-monyomondo iaitu tidak ada orang somondo dan tidak ada tompek somondo bagi mereka berdua. Maka dengan sendirinya Lombago Nan Bosokat suku kedua itu tidak dapat mencampuri dan oleh sebab nikah satu suku itu jatuh pada kesalahan pantang larang Adat – mereka berdua telah memecahbelahkan keharmonian sukunya sendiri dan perbuatan itu dipandang telah memberi aib kepada suku sendiri khususnya dan kepada seluruh suku di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning amnya. Maka itu kedua-dua mereka tidaklah lagi diakui sebagai anak buah suku dan bukan lagi diakui anak buah Wilayah Adat Perpatih Naning.

(ii) Dato'-Dato' Lombago Nan Bosokat khususnya dan seluruh anak buah Wilayah Adat Perpatih Naning amnya sama-sama meneliti maksud yang di bawah:

(a) *Dan taatlah kamu akan Allah dan Rasul-Nya, janganlah kamu berbantah-bantah nescaya kamu menjadi kecewa dan hilang kekuatan kamu.*

(Surah al-Anfal 8:46)

(b) *Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu akan Allah dan taatlah kamu akan Rasul-Nya dan juga Ulul Amri (orang-orang yang berkuasa di kalangan kamu).*

(Surah an-Nisa' 4:59)

(iii) Bahawa sesungguhnya semua nikah kah-

win sama suku dengan sebab mereka berdua jantan dan betina (bukan lelaki dan perempuan) itu telah didapati melakukan kesalahan "bersalah-salahan" iaitu "terkurung mati", maksudnya "mesti dinikahkan". Mereka berdua telah melakukan haram bagi syarak, maka oleh itu kuasa Adat (galang) diangkat dan mereka dinikahkan oleh kadi serta Lombago Syarak, sementara itu pihak Adat tidak dapat bersama-sama. Kebanyakan mereka telah melakukan kesalahan maksiat yang terpaksa dinikahkan, begitulah antara sebab-sebab nikah sama suku itu berlaku. Bagi orang-orang yang beriman tentu tidak sanggup berbuat demikian sebab perbuatan itu menentang hukum syarak menyebabkan pecah belah antara kita semua dan menentang ayat 59 surah an-Nisa'.

Berkampungan
khas

(213) Ingatan – Langkah Pertama

Manakala tumbuhnya nikah kahwin satu suku maka berkampungan langkah yang pertama hendaklah dilakukan sebaik-baik sahaja mendapat tahu mereka telah selesai nikah kahwin seperti yang berikut:

- (i) Lombago yang berpangkat Tuo dan Lombago yang berpangkat Ibu Bapak diadatkan mengadakan istiadat berkampungan bagi suku yang berkenaan itu.
- (ii) Dato' Setia Bakti Penghulu Adat Luak (mukim) itu dijemput hadir bersama-sama.
- (iii) Maka dalam berkampungan ini semua anak buah serta orang-orang somondo, lelaki dan perempuan diadatkan hadir.

Sebab-sebab berkampungan khas diadatkan

- (i) Menerangkan kehendak Adat Nan Diadatkan iaitu pantang larang Adat yang dilakukan oleh mereka satu kesalahan yang paling jahat.

- (ii) Menerangkan kepada suku itu bahawa mereka yang berkahwin tidak lagi sebagai anak buah suku yang berkenaan bermula dari hari perkahwinan mereka itu.
- (iii) Menerangkan kepada seluruh orang somondo suku itu bahawa mereka berdua itu bukannya tompek somondo mereka lagi.
- (iv) Dalam istiadat inilah dapat menenteramkan semua lapisan anak buah suku itu, tidak takut menghalang mereka berdua mencampuri sebarang perkara di dalam suku itu.
- (v) Terutama sekali seluruh orang somondo, tidak ada kepercayaan lagi pada mereka terutama orang somondo yang mempunyai isteri yang muda yang ada anak-anak dara masing-masing.

Kesimpulan

Bahawa nikah kahwin satu suku ini diadatkan pantang larang Adat disebabkan seperti yang berikut:

- (1) Berasaskan ayat 13 surah *al-Hujurat* yang menentukan seperti yang berikut:

Hai manusia, sesungguhnya Kami menjadikan kamu daripada laki-laki dan perempuan (bapa dan ibu) dan Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa (bermacam-macam umat) dan bersuku-suku, supaya kamu berkenalan. Sesungguhnya orang-orang yang mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwa. Sungguh Allah Maha Mengetahui.

(Surah *al-Hujurat* 49:13)

- (2) Untuk pentadbiran maka diadatkan (jadian baginya Undang Naning) iaitu antara lain, diadatkan "suku tak boleh dialih" (lihat pengertian suku dan waris).

- (3) Adat tidak boleh mengatasi syarak. Manakala berlakunya antara lelaki dengan perempuan di bawah kesalahan “bersalah-salahan” iaitu “terkurung mati”, maka diangkatlah kuasa Adat Nan Diadatkan, cuma perkara itu “digalang dek Adat”. Maka oleh sebab antara mereka berdua duduknya “tak terhambat dek syarak”, maka dinikahkan sahaja sepanjang hukum syarak. Pihak Adat tidak dapat bersama.
- (4) Maka dengan mereka bernikah kahwin sahaja, kedua-dua mereka telah melakukan:
- (a) Dengan sendirinya kedua-dua mereka tidak lagi mengamalkan Adat Perpatih Naning, maka hubungan dengan seluruh anak buah sukunya bukan sahaja suku yang ada di dalam luaknya (mukim), tetapi putus keseluruhan sukunya di dalam Wilayah Adat Perpatih Naning yang berjumlah 25 luak (mukim) itu. Oleh itu kedua-dua mereka telah membangkitkan perpecahan antara suku itu khasnya dan seluruh suku yang lain amnya. Sebab kedudukan antara kita ialah:
- (i) Satu suku, satu waris (digalang dek Adat dan dihambat dek syarak, tak boleh nikah kahwin).
- (ii) Satu waris, lain suku (dihambat dek syarak dan tak digalang dek Adat, tak boleh nikah kahwin sebab sedarah).
- (iii) Satu suku, lain waris (digalang dek Adat dan tidak dihambat dek syarak), boleh nikah kahwin sahaja tidak ada somondo-monyomondo. Ini yang jatuh di bawah Bab Yo Fasal Nikah Kahwin Satu Suku.
- (iv) Lain suku, lain waris tidak digalang

dek Adat dan tidak dihambat dek syarak. Ini harus dinikah kahwin dan somondo-monyomondokan. Kedudukan begini nan diadatkan berjalan kuat kuasanya sehingga hari ini, segala-galanya berada dalam kesempurnaan, harmoni. Jika ada yang tumbuh tidak baiknya, maka dapat diatasi dengan mengikut saluran Adat Nan Diadatkan bagi perkara nan tumbuh itu. Maka mereka berdua telah melanggar kehendak Adat dan syarak maka diadatkan baginya di bawah kesalahan, melakukan "pantang larang Adat".